

# Lupakan perbezaan politik - Mustapha

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

KOTA BELUD, Ahad — Presiden USNO, Tun Datu-Haji Mustapha Harun hari ini menggesa rakyat melupakan per-sengketaan politik masing-masing selepas pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Usukan dan Tandek.

"Kita adalah dari satu rumpun bangsa dan keturunan cuma berlainan fahaman politik dan kita akan mengahadapi banyak dugaan pada masa depan", katanya ketika mengulas kemenangan partinya di kawasan Usukan.

Dalam pilihanraya kecil itu, calon USNO, Encik Pandikar Haji Mulia menewaskan calon Berjaya, Encik Mohamed Salleh Tan Sri Said dengan kelebihan 263 undi.

Encik Pandikar mendapat 2,877 undi sementara Encik Salleh 2,614 undi dalam pertandingan enam penjur.

Berjaya pula mengekalkan kedudukannya di Tandek apabila calonnya, Encik Vilson Malingka mengalahkan calon bebas, Encik Majawat Goroton dengan kelebihan 87 undi. Encik Majawat mendapat 1,330 undi.

Tun Datu Mustapha berkata, kemenangan itu adalah saat kegemilangan USNO kerana parti itu mengahadapi 'naga' yang memerintah dan yang 'gajah'.

Bellau mensifatkan kemenangan itu sebagai memenbus kekalahan USNO dalam pilihanraya umum lalu dan menyeru anggotanya terus berjuang dengan cermat untuk mengahadapi cabaran-cabaran masa depan.

Sementara itu Ahli Dewan Undangan Negeri Usukan yang baru, Encik Pandikar berikrar akan memberikan khidmatnya kepada semua rakyat di kawasan itu tanpa mengira fahaman politik dan agama mereka.

Bellau memberitahu selepas diisytiharkan menang, kejayaan calon USNO di situ adalah kerana rakyat mahukan perubahan masa depan dan rintihan mereka diketengahkan.

Sementara itu calon Berjaya yang tewas, Encik Mohamed Salleh berkata, beliau menjangka pertarungan sengit antara USNO dan Berjaya tetapi terperanjat dengan calon-calon bebas, terutama Encik Ajun Mellyon yang mendapat 565 undi.

Bellau berkata, keputusan rakyat dalam undi itu diterima dengan hati terbuka kerana proses pengundian dijalankan penuh keadilan.

Sementara itu di Kota Kinabalu, Setiausaha Agung Berjaya, Datuk Haji Mohamed Noor Mansor berkata, kekalahan Berjaya di Usukan ialah kerana rakyat di situ masih berpegang pada konsep lama dan tidak mahukan perubahan.

Katanya, Berjaya menghormati keputusan pilihanraya itu kerana ianya adalah keputusan rakyat.

Bagaimanapun katanya, "janganlah salahkan kerajaan dan salai pula nanti kalau kawasan itu tidak membngkati sebarang pembngunan kerana rakyat di situ lah yang menolaknya".

Katanya rakyat Usukan juga menipu diri sendiri dengan datang beramai-ramai ke pondok-pondok berjaya tetapi mengundi calon lawan.

Mengenai calon-calon bebas, beliau berkata, tindakan akan diambil terhadap ahli Berjaya jika didapati bertanding sebagai calon bebas dalam pilihanraya itu.

Berjaya akan membuat kajian terperinci mengenai sebab-sebab kegagalannya di situ sebagai garis panduan masa depan, tambah beliau. — Bernama